

'Lihat bajet secara holistik'

Ipoh: Rakyat perlu melihat Bajet 2016 yang dibentangkan, baru-baru ini secara holistik dengan mengambil kira perbelanjaan pembangunan ekonomi, bukan hanya tertumpu kepada kos sara hidup.

Menteri Kewangan Kedua, Datuk Seri Ahmad Husni Hanadzlah berkata, bajet kali ini merangkumi tiga bidang utama iaitu kemampanan ekonomi negara, meningkatkan kapasiti negara dan meringankan kos sara hidup rakyat dan sejumlah besar peruntukan ditambah untuk pembangunan ekonomi bertujuan melindungi ekonomi negara daripada ketidaktentuan di seluruh dunia.

"Apabila bajet dirancang, kita melihat kepada ekonomi dunia apabila ekonomi Eropah dan China semakin dilihat semakin lembap

"Sebab itu, sebahagian besar bajet mesti memberi tumpuan mempertahankan ekonomi negara kita, sebab itu kita buat pembangunan," katanya ketika ditemui selepas wawancara bersama Perakfm di Radio


Sejumlah
besar
peruntukan
ditambah untuk
pembangunan
ekonomi bertujuan
melindungi
ekonomi negara
daripada
ketidaktentuan
di seluruh dunia"

Ahmad Husni Hanadzlah

Televisyen Malaysia (RTM), di sini, semalam.

Ahmad Husni berkata, tambahan RM1 bilion bagi belanja mengurus dan RM3 bilion bagi belanja pembangunan dalam bajet kali ini yang juga tahun pertama dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RM-Ke-11) bukti kerajaan mengambil serius mengukuhkan ekonomi dan kesejahteraan rakyat.

Katanya, sebagai contoh projek Lembah Wawasan Malaysia (MVV) mengemban pembangunan pembangunan Lembah Klang sehingga Seremban dan Port Dickson, Negeri Sembilan yang bakal



dilaksanakan akan memberi kesan positif kepada rakyat dan negara.

"Lebih 50 sub sektor akan mendapat manfaat daripadanya. Selain kontraktor, bank, peguam, akauntan, pembekal bahan mentah juga mendapat manfaat daripadanya dan apabila projek itu dilaksanakan akan ada perumahan dan kawasan perindustrian yang menawarkan pekerjaan.

"Perkembangan yang besar seperti ini adalah untuk mempertahankan ekonomi supaya kita tidak akan terjejas oleh ekonomi dunia," katanya.